# TERMA & SYARAT
# "BAYAR ZAKAT PERCUMA e-BAUCAR RM50 BERSAMA LEMBAGA ZAKAT SELANGOR"

1. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pengguna berdaftar di laman sesawang Posonline (www.pos.com.my/pay.html).

2. Bagi melayakkan diri untuk memenagi e-baucar RM50, pengguna berdaftar perlu membuat pembayaran zakat, Lembaga Zakat Selangor (LZS) melalui www.pos.com.my/pay.html (kempen ini tidak termasuk untuk pembayaran di kaunter Pos Malaysia).

3. Tempoh kempen sah untuk 60 hari, bermula dari 13 April - 11 Jun 2021 @ 1 Ramadhan hingga akhir Syawal. Transaksi pembayaran yang dibuat sebelum bermula atau selepas tamat tempoh kempen adalah tidak sah dan tidak layak untuk mendapat e-baucar. Hanya transaksi yang berjaya dalam tempoh kempen ini sahaja akan diambil kira untuk penyertaan.

4. Secara keseluruhannya, 100 pembayar zakat terawal akan berpeluang memiliki e-baucar berjumlah RM50. E-baucar ini akan diberikan selagi stok masih ada.

5. Keputusan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan kempen ini adalah muktamad dan tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini.

6. Pembayar zakat yang berhak mendapat e-baucar akan diberitahu melalui e-mel tidak lebih dari 30 hari setelah tarikh tutup kempen, dan akan menerima e-baucar tersebut tidak lebih dari 60 hari setelah tarikh tutup kempen tersebut.

7. Pihak kami akan menghubungi pembayar zakat terpilih dalam jangka masa 14 hari. Jika pembayar zakat gagal dihubungi dan tidak memberikan respon dalam tempoh yang ditetapkan atau gagal memenuhi mana-mana syarat kelayakan atau tidak dapat mematuhi syarat dan ketetapan kempen, pihak kami berhak untuk mendiskualifikasi pembayar zakat yang terpilih dan menawarkan e-baucar kepada pembayar zakat seterusnya yang layak.

8. Keputusan pembayar zakat yang layak menerima e-baucar akan diumumkan di media sosial kami dalam masa 30 hari selepas tarikh tutup kempen.

9. Pembayar zakat yang layak akan mendapat e-baucar dan tiada penukaran kepada bentuk wang tunai ditawarkan. e-Baucar ini tidak boleh dipindah milik. e-Baucar adalah tertakluk pada ketersediaan stok dan kami berhak untuk menggantikan e-Baucar dengan nilai yang setara tanpa memberi notis kepada pembayar zakat yang terpilih.

10. Dengan mengambil bahagian dalam kempen ini, pelanggan bersetuju untuk menerima Terma dan Syarat yang tertakluk. Pos Malaysia berhak untuk membatalkan atau mengubah Terma dan Syarat kempen ini, atau mana-mana bahagiannya tanpa memberi notis terlebih dahulu.

# SOALAN LAZIM

## "BAYAR DAN MENANG E-BAUCAR BERNILAI RM50 BERSAMA LEMBAGA ZAKAT SELANGOR"

| No. | Soalan/Jawapan |
|---|---|
| **S1** | **Apakah kempen bayar zakat percuma e-baucar RM50 bersama Lembaga Zakat Selangor yang dilancarkan di Posonline?** |
| J1 | Kempen bayar zakat percuma e-baucar RM50 bersama Lembaga Zakat Selangor adalah kempen anjuran LZS bersama Pos Malaysia yang menawarkan hadiah e-baucar berjumlah RM50 kepada pengguna yang membuat pembayaran zakat LZS di Posonline www.pos.com.my/pay.html. |
| **S2** | **Siapa yang boleh menyertai kempen ini?** |
| J2 | Kempen ini terbuka kepada semua pengguna berdaftar Posonline. |
| **S3** | **Bilakah tempoh kempen bermula/tamat?** |
| J3 | Kempen bermula pada 13 April - 11 Jun 2021 @ 1 Ramadhan hingga akhir Syawal. |
| **S4** | **Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?** |
| J4 | Langkah 1: Daftar dan log masuk ke laman sesawang http://www.pos.com.my/pay.html<br><br>Langkah 2: Pilih pembayaran bil<br><br>Langkah 3: Buat pembayaran untuk bil Lembaga Zakat Selangor |
| **S5** | **Bolehkah pelanggan memenangi lebih dari satu hadiah?** |
| J5 | Kempen ini terhad kepada 1 pelanggan dan 1 transaksi sahaja. Jika pelanggan membuat lebih dari satu pembayaran, hanya 1 penyertaan sahaja yang akan diambil kira untuk memenangi hadiah. |
| **S6** | **Apakah tujuan kempen ini diadakan?** |
| J6 | Kempen ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan pengguna Posonline untuk membuat pembayaran zakat Lembaga Zakat Selangor melalui laman sesawang http://www.pos.com.my/pay.html |
| **S7** | **Bagaimanakah cara pemilihan pemenang dilaksanakan?** |

| | |
|---|---|
| J7 | Pemenang akan dipilih mengikut kriteria yang telah ditetapkan seperti dibawah:<br><br>1. Pengguna berdaftar haruslah membuat pembayaran zakat Lembaga Zakat Selangor melalui http://www.pos.com.my/pay.html<br>2. Pembayaran zakat haruslah dilaksanakan dalam tempoh kempen iaitu pada 13 April - 11 Jun 2021 @ 1 Ramadhan hingga akhir Syawal.<br>3. Hanya 1 transaksi dari 1 pengguna akan dikira sebagai 1 penyertaan bagi kempen ini.<br>4. Hadiah adalah sehingga stok masih ada. |
| **S8** | **Bagaimanakah cara makluman kepada pemenang ?** |
| J8 | Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon dan emel yang berdaftar di Posonline. |
| **S9** | **Adakah hadiah boleh ditukar milik ?** |
| J9 | Hadiah tidak boleh dipindah milik dan ditukar ganti ke wang ringgit. |
| **S10** | **Apakah jenis zakat yang boleh dibayar untuk menyertai kempen ini?** |
| J10 | Terbuka untuk semua jenis zakat di bawah LZS seperti berikut:<br><br>1. Zakat Qadha<br>2. Zakat Tanaman<br>3. Zakat Padi<br>4. Zakat Ternakan<br>5. Zakat Pendapatan<br>6. Zakat Perniagaan<br>7. Zakat Wang Simpanan<br>8. Zakat Saham<br>9. Zakat KWSP<br>10. Zakat Emas<br>11. Zakat Perak<br>12. Zakat Harta |
| **S11** | **Bagaimana cara pengguna boleh mendapatkan maklumat lanjut?** |
| J11 | Untuk maklumat lanjut pengguna boleh tekan butang AskPos di laman sesawang www.pos.com.my. |